



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 47/2021 dari 21 November hingga 27 November 2021)

Pada minggu ke-47, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 14 kes (2.9%), menjadikan jumlah kes 490 berbanding 476 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-47. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 23,547 kes berbanding 85,582 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 62,035 kes (72.5%), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak 18 kematian berbanding 137 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 119 kematian (86.9%) **(Lampiran A & C)**. Pada minggu ke-47 terdapat pengurangan tiga (3) lokaliti hotspot yang dilaporkan menjadikan sejumlah lapan (8) lokaliti hotspot telah dilaporkan berbanding 11 lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya. Kesemua lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 41 kes pada minggu ke-47 yang mana 16 kes dari WPKL & Putrajaya, masing-masing 11 kes dari Kedah dan Selangor serta masing-masing satu (1) kes dari Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 1,315 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 1,440 sampel darah dan 32 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Jangkitan Denggi berlaku apabila individu mendapat gigitan nyamuk Aedes betina yang membawa virus Denggi. Gejala Demam Denggi seperti demam, sakit otot/ tulang/ sendi, sakit kepala yang kuat serta sakit di belakang mata akan muncul di antara hari kelima hingga ketujuh setelah digigit nyamuk Aedes. Rawatan awal amat penting bagi mengelakkan pesakit mengalami komplikasi kegagalan organ, pendarahan renjatan atau kematian yang disebabkan oleh Demam Denggi. Bagi mengelakkan pembiakan nyamuk Aedes, setiap lapisan masyarakat perlu menjaga kebersihan persekitaran serta melakukan aktiviti cari dan musnah tempat pembiakan Aedes sekurang-kurangnya 10 minit seminggu di dalam dan luar premis masing-masing. Pemakaian pakaian yang menutup anggota badan serta penggunaan repelan nyamuk dapat mengelakkan daripada gigitan Aedes. Mencegah lebih utama daripada merawat. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
6 Disember 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 46 dan ke- 47 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 47 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-47 tahun 2021

BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 47/2021
(21 November hingga 27 November 2021)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 47/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 47/2020	
		Minggu 47 (21 November – 27 November 2021)		Minggu 46 (14 November – 20 November 2021)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	0	0	0	0	20	0	80	0
2	Kedah	23	0	25	0	512	1	751	0
3	P. Pinang	9	0	8	0	366	0	959	2
4	Perak	7	0	5	0	521	1	2,576	3
5	Selangor	291	0	285	0	14,036	2	42,418	36
6	WP KL & Putrajaya	39	0	49	0	2,832	2	10,073	7
7	N. Sembilan	20	0	12	0	564	1	2,760	8
8	Melaka	12	0	10	0	553	0	2,646	8
9	Johor	26	0	27	0	1,614	4	10,821	41
10	Pahang	4	0	6	0	399	2	3,046	8
11	Terengganu	2	0	0	0	39	0	379	0
12	Kelantan	4	0	3	0	198	0	3,805	7
13	Sarawak	8	0	6	0	352	0	1,452	2
14	Sabah	45	0	40	0	1,536	5	3,810	15
15	WP Labuan	0	0	0	0	5	0	6	0
	MALAYSIA	490	0	476	0	23,547	18	85,582	137

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 47/2021
(21 November hingga 27 November 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan TPS 3 Taman Pelangi Semenyih	21	86
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Saga 16-19 Taman Saga	22	65
3	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Armanee Kondo	21	56
4	SELANGOR	Petaling	E1. Seksyen 4 (Teres A : Jln 4/2 - 4/3)	10	44
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Berlian	16	39
6	SELANGOR	Petaling	E11. Sri PJU 1A PPRT 1 Blok (A,B,C)	10	39
7	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 4 Bandar Rinching	11	38
8	SELANGOR	Petaling	E6. BL PJU 10 Apt Lestari	11	33

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 47/2021 (27 November 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Perlis	Kangar	3	3
2.	Johor	Johor Bahru	17	96
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	33	
		Tangkak	40	
3.	Kedah	Baling	5	138
		Kota Setar	15	
		Kuala Muda	90	
		Kulim	23	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
4.	Kelantan	Bachok	1	46
		Gua Musang	1	
		Jeli	1	
		Kota Bharu	22	
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	3	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	2	
		Tumpat	12	
5.	Melaka	Alor Gajah	4	27
		Jasin	1	
		Melaka Tengah	22	
6.	Negeri Sembilan	Seremban	14	14
7.	Perak	Batang Padang	1	180
		Kampar	2	
		Kinta	10	
		Kuala Kangsar	30	
		Larut Matang & Selama	28	
		Manjung	109	
8.	Pulau Pinang	Barat Daya	37	70
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	3	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	23	

9.	Selangor	Gombak	155	295
		Hulu Langat	76	
		Hulu Selangor	1	
		Klang	50	
		Petaling	6	
		Sepang	7	
10.	WP Kuala Lumpur	Cheras	51	446
		Kepong	154	
		Lembah Pantai	63	
		Titivangsa	178	
JUMLAH KUMULATIF			1,315	